Bahagian A

(10 Markah)

Jawab semua soalan.

1. Antara berikut, yang manakah merupakan kemahiran manipulatif yang perlu di amalkan oleh murid semasa melakukan eksperimen di bilik sains?

   A Tidak bergurau dan bermain di dalam bilik sains
   B Memastikan tingkap dibuka untuk pengudaraan yang baik
   C Menyimpan semula peralatan sains yang telah digunakan di tempat asalnya
   D Mematuhi arahan guru dan tidak melakukan perkara yang dilarang

2. Rajah 1 menunjukkan satu rangka utama manusia.

Rajah 1

   Apakah fungsi rangka di atas?
   A Melindungi otak manusia
   B Menyokong tubuh manusia
   C Menyokong pergerakan manusia
   D Melindungi organ dalaman manusia

3. Apakah fungsi darah dalam sistem peredaran darah manusia?

   A Melindungi peparu
   B Membenarkan pergerakan badan
   C Mengangkut oksigen, nutrient, air dan bahan kumuh
   D Tempat pertukaran gas oksigen dan karbon dioksida

LIVEWORKSHEETS

4. Antara berikut, yang manakah pasangan yang betul tentang haiwan dan cara melindungi diri daripada musuh?

	Haiwan	Cara melindungi diri daripada musuh
A	Sotong	Memancutkan dakwat hitam
B	Gajah	Kulit keras dan berkedut
C	Badak air	Berendam di dalam air
D	Katak	Menyamar

5. Rajah 2 menunjukkan seekor haiwan.

Rajah 2

Bagaimanakah haiwan ini memastikan kemandirian spesisnya?

A Hidup dalam kumpulan yang besar
B Menyembunyikan anaknya
C Membawa anak di dalam kantung
D Membawa anak dengan belalainya

LIVEWORKSHEETS

6. Rajah 3 menunjukkan sejenis tumbuhan.

Rajah 3

Mengapakah haiwan tidak mendekati atau makan tumbuhan di atas?

A Kerana tumbuhan itu mempunysi bulu halus
B Kerana tumbuhan itu mengeluarkan bau busuk
C Kerana tumbuhan itu mengeluarkan getah
D Kerana tumbuhan itu mengeluarkan racun

7. Antara yang berikut, yang manakah padanan yang betul bagi tumbuhan dan cara melindungi diri daripada cuaca yang panas?

	Tumbuhan	Ciri Khas
A	Kaktus	Batang menyimpan air
B	Pokok ru	Menggulungkan Daun
C	Pokok durian	Daun berlilin
D	Pokok tembakau	Daun berbentuk jarum

8. Rajah 4 menunjukkan sejenis tumbuhan. Bagaimanakah tumbuhan ini melindungi dirinya dari iklim sejuk?

A Batang menyimpan air
B Menggulungkan daun
C Mempunyai daun berlilin
D Kulit yang tebal pada batangnya

LIVEWORKSHEETS

9. Rajah 5 menunjukkan 2 jenis litar, P dan Q.



Litar P



Litar Q

Apakah jenis litar P dan Q?

A P adalah litar selari, Q adalah litar bersiri

B Q adalah litar selari, P adalah litar bersiri

C P adalah litar ringkas, Q adalah litar selari

D P adalah litar ringkas, Q adalah litar bersiri

10. Apakah kelebihan litar selari berbanding litar bersiri?

A Mempunyai satu laluan arus elektrik

B Jika satu mentol rosak, semua mentol tidak menyala

C Semakin banyak mentol, semakin malap cahayanya

D Jika satu mentol rosak, mentol lain masih menyala

LIVEWORKSHEETS

Bahagian B
(8 markah)

Jawab semua soalan.

1. Rajah di bawah menunjukkan laluan peredaran darah manusia.

a) Labelkan laluan peredaran darah yang betul pada rajah di bawah. *[2 markah]*



b) Padankan X dan Y dengan fungsinya yang betul. *[2 markah]*

Organ	Fungsi
	Tempat pertukaran gas oksigen dengan gas karbon dioksida
X	Mengangkut oksigen, nutien, air dan bahan kumuh
Y	Mengepam darah ke peparu dan seluruh tubuh badan
	Mengangkut darah ke seluruh tubuh badan

LIVEWORKSHEETS

2. a) Apakah yang dimaksudkan dengan bermigrasi dan berhibernasi? Padankan jawapan kamu. *[2markah]*

Tingkah laku khas	Maksud
	Haiwan yang tidur panjang semasa musim sejuk
Berhibernasi	Haiwan yang bergerak aktif pada waktu malam
Bermigrasi	Haiwan yang berpindah ke tempat panas pada musim sejuk
	Haiwan yang melindungi anaknya dari musuh

b) Isikan jadual dengan betul menggunakan perkataan yang diberi dalam kotak di bawah. *[2 markah]*

Musang gurun | cicak | tikus

Ciri-ciri dan tingkah laku khas	Contoh haiwan
Bersembunyi di dalam lubang bawah tanah	
Memutuskan ekornya	
Memiliki cuping telinga yang besar	

LIVEWORKSHEETS

Bahagian C
(32 markah)

Jawab semua soalan.

1. Rajah 6 menunjukkan seorang budak perempuan bermain kasut roda dengan memakai peralatan pelindung sukan.



a) i) Apakah fungsi alat P,Q dan R?

_____

[1 markah]

ii) Bahagian tubuh badan apakah yang dilindungi oleh alat P,Q, dan R?

P:	Q:	R:

[3 markah]

b) Apakah yang akan berlaku jika budak perempuan itu bermain kasut roda tanpa peralatan perlindungan tersebut?

_____

_____

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS

c) Nyatakan **2** kepentingan sistem rangka kepada tubuh badan manusia.

_____

[2 markah]

d) Baca dialog dan jawab soalan berikut.

Berikan **1** tindakan yang perlu dilakukan jika kita mahu mengelakkan perkara diatas.

_____

[1 markah]

2. Rajah 7 menunjukkan beberapa jenis haiwan dalam satu habitat.



LIVEWORKSHEETS

a) Berdasarkan Rajah 7, berapakah bilangan pengguna yang terdapat di dalam habitat ini?

_____

[1 markah]

b) Berdasarkan Rajah 7, haiwan yang manakah merupakan haiwan herbivor?

_____

[1 markah]

c) Bina **1 rantai makanan** di sawah padi berdasarkan Rajah 7. Tuliskan nama haiwan dan tumbuhan di dalam kotak.



[2markah]

d) Apakah yang akan berlaku kepada bilangan tikus di sawah padi sekiranya banyak ular dan burung helang dibunuh oleh petani?

_____

[1 markah]

e) Nyatakan **2** ciri telur katak yang membolehkannya dilindungi daripada musuh.

i) _____

ii) _____

[2 markah]

f) Burung belatuk membiak dengan cara bertelur. Bagaimanakah burung belatuk melindungi telurnya?

_____

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS

3. Rajah 8 menunjukkan dua jenis tumbuhan.

Tumbuhan P	Tumbuhan Q

a) Di kawasan manakah tumbuhan Q kerap ditemui?

_____

[1 markah]

b) Nyatakan **2** ciri khas tumbuhan Q untuk menyesuaikan diri dengan kawasan yang kamu nyatakan di atas.

i) _____

ii) _____

[2 markah]

c) Nyatakan **1** ciri khas tumbuhan Q untuk melindungi diri daripada musuh.

_____

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS

d) Nyatakan 1 ciri khas tumbuhan P untuk menyesuaikan diri dengan keadaan angin kencang. Terangkan jawapan kamu.

_____

_____

[2 markah]

e)

Batang tumbuhan P dan batang pokok ini mempunyai ciri khas yang sama.

i) Apakah ciri khas yang sama yang dinyatakan di atas?

_____

[1 markah]

ii) Apakah kepentingan tumbuhan mempunyai ciri khas tersebut?

_____

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS

4. Sekumpulan murid menjalankan penyiasatan tentang kecerahan mentol berdasarkan jenis litar yang digunakan. Mereka mencatatkan keputusan yang diperoleh dalam Jadual 1



Litar bersiri



Litar selari

Jenis litar	Litar bersiri	Litar selari
Kecerahan mentol	Malap	Cerah

Jadual 1

a) Berdasarkan Jadual 1, nyatakan

i) pemboleh ubah dimanipulasikan:_____

ii) pemboleh ubah bergerak balas:_____

[2 markah]

b) Nyatakan **satu** inferens tentang perbezaan kecerahan mentol dalam litar-litar tersebut.

_____

[2 markah]

LIVEWORKSHEETS

c) Cadangkan **satu** cara bagaimana untuk menambahkan kecerahan mentol bagi litar bersiri. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

Tambahkan mentol	
Tambahkan sel kering	
Tambahkan suis	

[1 markah]

d) Jika litar di bawah digunakan untuk menggantikan litar bersiri dalam penyiasatan ini, adakah susunan radas tersebut adil? Jelaskan.



_____

_____

[2 markah]

Rashid menggunakan banyak peralatan elektrik di dalam biliknya. Dia menghabiskan masanya dengan bermain permainan video. Dia juga memasang kipas, radio dan mengecas telefonnya. Semua itu disambungkan kepada satu soket elektrik.

e) Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak berubah?

_____

[1 markah]

LIVEWORKSHEETS